



Jurnal Teknologi, 42(E) Jun. 2005: 31–48
© Universiti Teknologi Malaysia

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI MALAYSIA: GERAKAN DESA WAWASAN (GDW) SEBAGAI MEKANISME PEMBANGUNAN MASYARAKAT LUAR BANDAR.

MOHD KOHARUDDIN BIN MOHD BALWI*

Abstrak. Kertas kerja ini membincangkan usaha pembangunan masyarakat luar bandar sebagaimana digariskan dalam falsafah baru pembangunan luar bandar atau dikenali juga sebagai Transformasi Kedua Luar Bandar. Gerakan Desa Wawasan (GDW) antara lain adalah untuk menimbulkan kesedaran bagi melakukan perubahan paradigma, sikap, amalan dan aspirasi di kalangan masyarakat di desa yang juga selari dengan matlamat transformasi kedua pembangunan luar bandar dan Wawasan 2020. Masyarakat desa yang akan muncul ialah yang berdaya tahan, berinisiatif, berdikari, berilmu dan berdisiplin dan mampu menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Menyedari betapa pentingnya GDW ini dalam membina rakyat Malaysia yang proaktif dan berdaya tahan dalam dunia yang serba mencabar hari ini menyebabkan kerajaan telah bersetuju menukar nama Gerakan Desa Wawasan kepada Gerakan Daya Wawasan bagi mempertegaskan kepada usaha anjakan paradigma di kalangan masyarakat luar bandar.

Kata kunci: Pembangunan, masyarakat luar bandar, transformasi sosial

Abstract. This paper focuses on the effort of developing rural society in line with a new philosophy of rural development or also known as the Second Transformation of Rural Development. Gerakan Desa Wawasan (GDW) or the Vision Village Movement concept was mooted to make a paradigm shift in attitude, practice, and inspiration among rural community in line with the objective of the Second Transformation of Rural Development and Vision 2020. The transformed rural society should be tough, self-reliant, innovative, knowledgeable, disciplined, confident, courageous, and able to use ICT. Realizing the importance of GDW in developing proactive and courageous Malaysians to face the challenging world today, the government decided to change the name of Gerakan Desa Wawasan to Gerakan Daya Wawasan to emphasize the move of a paradigm shift among rural community.

Keywords: Development, rural society, social transformation

1.0 PENDAHULUAN

Strategi pembangunan di Malaysia telah mengalami pelbagai perubahan sesuai dengan perkembangan masa dan zaman. Pembangunan di Malaysia lebih bersifat pembangunan berancang. Dari itu istilah yang digunakan ialah Rancangan Pembangunan Negara. Rancangan Pembangunan Negara telah dimulakan sejak tahun 1957. Pembangunan berancang ini merupakan satu usaha menentukan

* Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, Malaysia.



bagaimana kedudukan manusia yang diarah dan diatur dengan sengaja bertujuan mempastikan pencapaian matlamat perubahan yang dikenal pasti dan yang tanpa adanya campur tangan belum tentu akan berlaku (R. Abdul Aziz, 2000). Mengikut Rahimah (2000), pembangunan terancang ini dapat dibahagi kepada empat fasa berdasarkan kronologi dan kaitan dengan keutamaan perancangan pembangunan yang terdapat dalam sesuatu masa itu. Fasa-fasa ini juga boleh dikaitkan dengan empat Perdana Menteri Malaysia yang telah memegang tumpuk pemerintahan semenjak 1957 dan rancangan-rancangan pembangunan lima tahun. Fasa-fasa ini ialah fasa *laissez-faire* (selepas merdeka hingga 1970); fasa campur tangan negara (1971-1980), fasa liberalisasi, persyarikatan Malaysia dan penswastaan (1981-1996) dan fasa kegawatan (bermula 1997 dan selepasnya).

Dalam keempat-empat fasa itu negara terus menerus memainkan peranan penting dalam program pembangunan rakyatnya tidak kira pembangunan sosial atau ekonomi. Campurtangan negara ini amat meluas meliputi pelbagai perancangan dan strategi, dasar, usaha-usaha *regulatory*, tarif, sektor kewangan dan sebagainya. Dalam fasa pertama iaitu *laissez faire*, negara memainkan peranan yang kecil dalam konteks menyediakan infrastruktur yang perlu dan seumpamanya. Dalam fasa kedua pembangunannya pula (1971-1980), negara memainkan peranan yang lebih luas, aktif, positif dan agresif terutama dalam bidang ekonomi berbanding tahun-tahun sebelumnya dan juga dalam pembangunan keseluruhan. Ketika ini muncullah istilah negara pembangunan (development state). Program pembangunan yang aktif ini kemudian diteruskan dalam fasa berikutnya tetapi dengan sedikit pengubahsuai. Terutama selepas dunia mengalami kemelesetan iaitu antara 1985-1986. Pada fasa ketiga ini sektor swasta diberikan peranan yang lebih besar bagi menyediakan rancangan untuk pertumbuhan, sementara pemerintah pula mengurangkan penglibatannya. Dalam fasa ini liberalisme ekonomi diperkenalkan dan digiatkan. Hasilnya Malaysia mengalami pertumbuhan purata 8% setahun selama 10 tahun. Walau bagaimanapun, kegawatan ekonomi pada tahun 1997 telah merencatkan pencapaian yang tinggi ini dan menyebabkan kerajaan sekali lagi terpaksa campur tangan dengan agresif untuk mengatasi masalah kegawatan itu.

Bagi pembangunan luar bandar, fasa pembangunan dikenali sebagai Transformasi Pembangunan Luar Bandar sebagai fasa campurtangan negara yang dikenali juga sebagai fasa pembangunan era Dasar Ekonomi Baru (DEB). Proses pembangunan masyarakat luar bandar telah bermula sejak negara memperoleh kemerdekaan pada 1957. Pada masa itu taraf ekonomi dan pencapaian masyarakat luar bandar amat rendah berbanding masyarakat bandar. Lantaran itu pihak kerajaan telah melancarkan pelbagai bentuk program pembangunan khusus untuk penduduk luar bandar. Strategi pembangunan masyarakat desa atau luar bandar ini dinamakan Transformasi Pembangunan Luar Bandar Pertama. Ia telah diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Kedua. Matlamat utama transformasi



pertama itu lebih kepada pembangunan prasarana fizikal dan membekalkan secara meluas kemudahan asas kepada rakyat.

Pada masa sekarang, Malaysia telah melangkah kepada Transformasi Kedua Luar Bandar. Transformasi kedua ini pula sebaliknya bukan hanya memperkuuh segala faktor fizikal, tetapi mengembangkan faktor manusianya terutama pembangunan manusia atau insan dengan paradigma baru yang positif kepada penduduk luar bandar. Kementerian penting yang diberi tanggungjawab untuk membangunkan masyarakat luar bandar ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Salah satu program pembangunan atau transformasi kedua yang telah dilaksanakan ialah program Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang dilancarkan pada tahun 1996 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

2.0 PEMBANGUNAN DI MALAYSIA

Secara mudahnya pembangunan ialah proses perubahan daripada peringkat kurang maju kepada peringkat yang lebih maju sama ada dalam aspek pemikiran manusia ataupun aspek fizikal atau persekitaran. Konsep pembangunan meliputi empat komponen atau matlamat penting yang saling melengkapi dan perlu dicapai iaitu kecekapan (untuk memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang pesat), pembahagian kekayaan yang adil (meliputi pembasmian kemiskinan dan pengurangan jurang perbezaan pendapatan); mapan (menjamin pembangunan kini tidak mengancam kehidupan generasi akan datang); dan pengupayaan rakyat, terutama golongan mudah terancam seperti golongan miskin (Ishak Shari, 2000). Dengan kata lain pembangunan tidak lain ialah satu usaha pengurangan atau penghapusan kemiskinan, ketidaksamaan, dan pengangguran dalam konteks ekonomi yang berkembang.

Dalam sejarah pembangunan di dunia, masyarakat telah mengalami beberapa proses pembangunan yang mendadak. Perubahan mendadak secara menyeluruh itu dikenali juga sebagai perubahan paradigma. Bagi menunjukkan perubahan yang berlaku secara drastik itu Toffler (1991) menggunakan perkataan ‘waves’ yang mengikutnya dunia telah mengharungi tiga gelombang perubahan:

- (i) Gelombang 1-revolusi pertanian
- (ii) Gelombang 2-revolusi industri
- (iii) Gelombang 3-revolusi maklumat/informasi

Mengikut Naibis (1997), gelombang perubahan ini mempunyai ‘megatrends’ iaitu 8 *megatrends* yang sedang mengubah semula ekonomi, pemerintah dan budaya Asia, membentuk negara komuniti yang akan menjadi saingan kepada kuasa dan pengaruh barat. Lapan *megatrends* itu ialah:



- (1) Daripada negara-negara bangsa kepada jaringan kerja.
- (2) Daripada tradisi kepada pilihan.
- (3) Daripada panduan eksport kepada dorongan pengguna.
- (4) Daripada kawalan kerajaan kepada dorongan pasaran.
- (5) Daripada ladang kepada kota raya.
- (6) Daripada tenaga buruh intensif kepada teknologi tinggi.
- (7) Daripada penguasaan lelaki kepada kemunculan wanita.
- (8) Daripada barat ke timur.

Mengikut Ohmae (1985), gelombang pembangunan ini bukan tertumpu kepada negara-negara maju sahaja tetapi juga negara sedang membangun kerana sains dan teknologi komunikasi telah berkembang dengan sangat pesat hingga megatrends akan berlaku di seluruh dunia hingga menjadikan dunia sebagai '*Global Village*' (Ohmae, 1985).

Megatrends ini sedang melanda Malaysia. Apa yang menarik bagi kes Malaysia ialah kita memiliki ketiga-tiga gelombang Alvin Tofler (1991) iaitu mempunyai ciri-ciri pembangunan era pertanian, era industri dan era informasi. Walaupun Asia Pasifik akan menjadi pusat pertumbuhan yang pesat di dunia, negara-negara Asia seperti Malaysia akan menunjukkan ketiga-tiga ciri ini yang bergerak seiring. Di kawasan yang maju, ciri-ciri geladak informasi menjadi dominan tetapi di kawasan luar bandar pula ciri-ciri revolusi pertanian dan industri adalah lebih ketara daripada ciri-ciri revolusi informasi.

Pada masa ini dasar pembangunan Malaysia telah melangkaui beberapa peringkat; dari Dasar Pembangunan Selepas Merdeka, Dasar Ekonomi Baru dan sekarang kita berada dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dilaksanakan selaras dengan rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) bermula tahun 1991. Penggubalan RRJP2 adalah berdasarkan Dasar Pembangunan Nasional dan ia adalah titik permulaan bagi satu era baru ke arah membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 (Asnarulkhadi dan Jawan, 1997). Melalui Dasar Pembangunan Nasional, pembangunan luar bandar semakin digiatkan lagi. Walau bagaimanapun dalam DPN ini, pembangunan luar bandar lebih dikenali sebagai Transformasi Kedua Luar Bandar. Segala perancangan bagi pembangunan luar bandar ini telah diletakkan di bawah satu kementerian iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian ini memainkan peranan penting dalam memastikan ekonomi masyarakat desa berkembang maju.

2.1 Pembangunan Luar Bandar dan Transformasi Pembangunan Manusia

Transformasi Kedua Luar Bandar telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada tahun 1994 yang membawa Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar.



Transformasi Kedua ini merupakan suatu anjakan paradigma pemikiran dan pendekatan sebagai pelengkap kepada falsafah yang mendasari Transformasi Pertama Pembangunan Luar Bandar pertama merangkap Timbalan Perdana Menteri ketika pentadbiran Tunku Abdul Rahman dari tahun 1957-1970 (Laporan Konvensyen Gerakan Desa Wawasan Zon Sabah, 2001).

Transformasi Pertama memaparkan program raksasa kerajaan yang baru merdeka ketika itu untuk segera membangunkan prasarana fizikal dan membekalkan dengan meluaskan kemudahan asas kepada rakyat sebagai strategi paling berkesan untuk membina negara. Manakala Transformasi Kedua pula mengukuhkan lagi strategi awal tersebut dengan penumpuan yang lebih menjurus ke arah membangunkan sumber daya insaniah terutamanya pembangunan insan bagi masyarakat desa. Mengikut Craig (1996), pembangunan manusia atau insan ini menjadi tumpuan utama bagi memastikan kejayaan pembangunan masyarakat luar bandar. Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada tahun 1996 merupakan satu program konkret yang dikemukakan di bawah kerangka perlaksanaan transformasi ini. Pembangunan manusia atau pembangunan insan ialah perubahan dalam struktur, pemikiran dan perlakuan seseorang yang disebabkan oleh pengaruh biologikal (dalaman) dan persekitaran (luaran). Pembangunan manusia ini melibatkan tiga aspek iaitu fizikal, kognitif dan psikososial. Aspek fizikal melibatkan pertumbuhan dan perubahan dalam tubuh manusia (fisiologi), aspek kognitif melibatkan proses mental yang berkaitan dengan kebolehan dalam persepsi, ingatan, berhujah, kreativiti, dan kemahiran bahasa. Manakala aspek psikososial melibatkan pembangunan peribadi, kemahiran berinteraksi sesama manusia, kebolehan mengenal diri, emosi, kemahiran sosial dan perlakuan.

Pembangunan manusia menjadi matlamat utama dalam pembangunan luar bandar khususnya dalam Transformasi Kedua Luar Bandar yang memberi fokus kepada peningkatan kualiti hidup luar bandar melalui program dan usaha untuk menjadikan kawasan luar bandar suatu kawasan yang produktif, menarik, maju, dan menguntungkan serta seimbang dengan pertumbuhan pembangunan di bandar. Lantaran itu matlamat Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar adalah untuk membentuk insan (luar bandar) yang berkualiti dan menguasai nilai murni, agar mereka dapat menggunakan masa, informasi, dan sumber yang ada pada tahap yang paling optimum, dan akhirnya menghasilkan tahap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan keluarga yang cemerlang dan mendapat keredhaan Allah S.W.T (Ibrahim, 2003). Program utama bagi menjayakan Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar ialah Gerakan Desa Wawasan.

3.0 LATAR BELAKANG GERAKAN DESA WAWASAN (GDW)

Gerakan Desa Wawasan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri di Kampung FELCRA Seberang Perak, Daerah Hilir Perak pada 4 Julai 1996. Gerakan Desa



Wawasan ialah proses membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk desa ke arah transformasi luar bandar. Gerakan ini menekankan kepada penglibatan penduduk desa itu sendiri dalam proses perancangan program pembangunan ke arah menjadikan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan. Gerakan Desa Wawasan adalah usaha yang tersusun yang dibuat secara berterusan untuk menukar sikap penduduk desa dan budaya pertanian tradisional kepada amalan nilai hidup pertanian komersial serta perindustrian (Gerakan Desa Wawasan, 1996).

Matlamat Gerakan Desa Wawasan (GDW) ini adalah mewujudkan masyarakat desa yang berdaya tahan, berinisiatif, berdikari, berilmu dan memiliki disiplin kerja yang tinggi untuk melaksanakan pemodenan desa. Melalui GDW ini juga perancangan dibuat untuk mempertingkatkan keupayaan penduduk desa untuk membentuk senario desa 2020. Pelbagai program dilaksanakan dalam GDW ini antaranya ialah Program Bina Insan dan Kesedaran, Ilham Desa, Program Keluarga Angkat dan Program Pengindahan Persekutaran.

Matlamat utama GDW ialah untuk membentuk masyarakat desa yang berinisiatif, berdikari, berdaya tahan, berilmu dan berdisiplin. Lantaran itu, objektif GDW ialah:

- (1) Meningkatkan semangat berdikari dengan mengikis mentaliti subsidi.
- (2) Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pembangunan desa.
- (3) Memudahkan sikap untuk memudahkan proses pencantuman tanah.
- (4) Meningkatkan keupayaan masyarakat untuk maju.
- (5) Membentuk "*empowerment*".
- (6) Meningkatkan kemahiran untuk pelaksanaan Pelan Induk Desa (PID).

Bagi mencapai objektif sebagai desa wawasan yang berjaya terdapat 12 kriteria yang perlu dibangunkan oleh sesebuah kampung bagi menjadi sebuah kampung atau desa wawasan yang berjaya. 12 kriteria itu ialah:

- (1) Kebersihan dan keceriaan
- (2) Keagamaan dan kemahiran
- (3) Pendidikan dan kemahiran
- (4) Ekonomi berdasarkan pertanian
- (5) Kepimpinan atau pentadbiran
- (6) Sosial
- (7) Keselamatan
- (8) Infrastruktur
- (9) Kesihatan
- (10) Pembangunan IT
- (11) Pembangunan manusia
- (12) Ekonomi bukan pertanian



Melalui program GDW ini masyarakat desa yang terlibat diharap akan dapat mencapai tujuh teras inisiatif pembangunan luar bandar iaitu:

- (1) Pembangunan manusia yang cemerlang.
- (2) Pengukuhan institusi keluarga yang stabil dan sejahtera.
- (3) Pembangunan masyarakat yang beridentiti dan berdaya tahan.
- (4) Penyediaan infrastruktur yang berkualiti.
- (5) Pembangunan ekonomi yang mampan.
- (6) Penyediaan sistem penyampaian yang berkesan.
- (7) Pengwujudan rangka kerja institusi yang responsif kepada perubahan.

Gerakan Desa Wawasan (GDW) merupakan program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar bertujuan memajukan kampung dengan projek-projek sosioekonomi untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing penduduk kampung. Manakala INFRA diamanahkan oleh kerajaan untuk menjalankan latihan dan memastikan penduduk kampung mendapat latihan dan pendedahan tentang GDW.

Masyarakat desa diberi latihan tentang cara untuk memajukan kampung dengan projek-projek sosioekonomi. Justeru program latihan yang dijalankan menyediakan cara, kaedah dan saran-saran untuk memajukan kampung dengan pelbagai aktiviti. Kesemua peserta GDW yang terpilih akan dihantar untuk menjalani latihan di bawah kelolaan *Institute for Rural Advancement* (INFRA).

3.1 Agensi Pelaksana GDW

Antara agensi kerajaan yang akan terlibat ialah Kemas (mengendalikan 482 kampung GDW), FELCRA (20 kampung) dan RISDA (30 kampung). Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

- (i) Satu kawasan Dewan Undangan Negeri di bawah pengawasan Kemas:
482 buah kampung
- (ii) Kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Kampung:
FELCRA: 20 kampung
RISDA: 30 kampung
- (iii) Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah: 70 buah kampung
KEJORA: 10 kampung
KESEDAR: 10 kampung
DARA: 10 kampung
PERDA: 10 kampung
KETENGAH: 10 kampung
KEDA: 10 kampung
Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka: 10 kampung
- (iv) Kampung termiskin: 40 buah



4.0 MEKANISME PEMBANGUNAN GERAKAN DESA WAWASAN

4.1 Pembangunan Insan – Perubahan Paradigma

Matlamat utama GDW ialah membawa perubahan paradigma di kalangan masyarakat desa supaya tidak lagi bergantung semata-mata kepada kerajaan apabila hendak membangunkan kampung mereka sendiri. Sebaliknya mereka sendiri yang akan mengetuai usaha perubahan pembangunan di kawasan setempat dengan bantuan atau bimbingan agensi kerajaan. Perubahan paradigma ini merupakan perkara praktikal bagi memajukan penduduk kampung kerana sifat terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan (subsidi) menjadikan mereka ini lemah, tidak bermotivasi dan gagal membangunkan kampung mereka sendiri. Lantaran itu penduduk kampung melalui GDW ini akan dibentuk menjadi manusia yang mampu berusaha membangunkan kampung sendiri melalui kesepakatan, struktur organisasi yang cekap dan kebolehan memikirkan ide-ide baru yang praktikal dan menguntungkan. Pimpinan desa menjadi penggerak utama dan agen perubahan bagi masyarakat setempat.

Sehubungan dengan itu Kementerian Pembangunan Masyarakat melalui INFRA atau Institut Kemajuan Desa telah melaksanakan siri-siri program latihan yang bertujuan menghasilkan anjakan paradigma yang positif di kalangan masyarakat desa. Fokus INFRA ialah melatih pimpinan pada peringkat akar umbi, yang antara lain perlu melatih ahli JKKK/R yang jumlah keseluruhan kumpulan sasar ini sahaja tidak kurang 200 000 orang dari 21 000 buah kampung yang memiliki struktur JKKK/R di seluruh negara. Antara kursus atau latihan yang telah dijalankan untuk mencapai matlamat GDW ini ialah:

- (1) Kursus GDW kepada Penggerak
- (2) Kursus Ketrampilan Penggerak
- (3) Kursus Brain Teknologi
- (4) Kursus Penyelarasani Homestay
- (5) Kursus Pelan Tindakan Pembangunan Kampung
- (6) Kursus Asas GDW kepada JKKK
- (7) Konvensyen Gerakan Desa Wawasan
- (8) Latihan Ilham Desa
- (9) Seminar Pengukuhan Gerakan Desa Wawasan
- (10) Kursus Pengurusan Institusi Komuniti
- (11) Kursus Pengemasan Pengurusan Organisasi JKKK
- (12) Kursus Pembangunan Institut Komuniti: Fokus Kepada Generasi Pelapis Desa
- (13) Kursus Keterampilan JKKK
- (14) Kursus Literasi Komputer
- (15) Kursus Literasi Desa Medan Info Desa



- (16) Kursus Latihan untuk Jurulatih Medan Info Desa
- (17) Kursus Internet/laman Web

Salah satu kursus penting yang membimbing pimpinan desa menjadi agen perubahan pembangunan desa ialah Kursus Asas GDW. Antara objektif utamanya ialah memberi kefahaman mengenai Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar dan GDW, memberi penerangan dan kefahaman mengenai program dan pelaksanaan projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan memberi kefahaman dan kemahiran selok-belok perancangan pembangunan kampung (*Blue Print* pembangunan kampung). Matlamat akhirnya membentuk pimpinan kampung yang memahami matlamat pembangunan luar bandar di Malaysia, mampu merancang pembangunan dengan baik dan menguruskan program pembangunan dengan cekap agar mendatangkan hasil yang positif dan menguntungkan untuk seluruh penduduk kampung. Harapannya ialah pimpinan kampung yang telah mendapat latihan ini mampu melakukan anjakan paradigma bagi pembangunan kampung lantas membawa perubahan paradigma kepada masyarakat di bawah pimpinan mereka di desa. Melalui kebolehan masyarakat kampung membuat perancangan dengan '*Blue Print*' kampung yang sistematik memudahkan mereka mengenalpasti kedudukan ekonomi, sosial dan pendidikan seluruh kampung. Ini memudahkan mereka mengenalpasti bidang-bidang yang perlu dimajukan dan memudahkan pihak luar sama ada kerajaan atau swasta atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu.

Suatu yang amat menarik tentang GDW ialah galakan untuk masyarakat desa membangunkan kampung melalui cetusan ilham dari penduduk kampung itu sendiri. Penduduk kampung akan memikirkan idea pembangunan secara bersepada iaitu dan peringkat awal yang berbentuk pemikiran idea hingga kepada merancang, melaksana dan menyelesaikan. Dengan kata lain, masyarakat Cina bertindak secara holistik dalam membuat pembangunan di tempat masing-masing. Bermula dari idea pembangunan itu sendiri seperti bentuk-bentuk perancangan pelaksanaan program yang telah disepakati tadi dan kemudiannya melaksanakan program itu hingga berjaya. Secara mudahnya, melalui pendekatan ini masyarakat desa menjadi kreatif (memikirkan program membangunkan kampung), proaktif (memikirkan segala masalah dalam pelaksanaan program tersebut), dan inovatif (mengurus dan memikirkan rancangan masa depan terhadap program atau projek yang telah dilaksanakan). Jelas sekali apabila pembangunan manusia itu berjaya dilaksanakan dengan sendirinya, pembangunan ekonomi pun turut sama dibangunkan. Melalui program pembangunan manusia seperti ini, masyarakat desa akan berupaya membangunkan diri mereka sendiri dalam ertikata pembangunan yang menyeluruh yang melibatkan pembangunan kognitif dan fizikal (pembangunan ekonomi). Lantaran itu di bawah ini dikemukakan beberapa program yang telah berjaya dalam mencapai matlamat ini.



4.2 Pembangunan Industri Desa

Antara ciri desa wawasan ialah kampung-kampung harus menjadi lebih kompetitif dengan kedua-dua sektor pertanian dan industri moden menjadi aktiviti utama penduduk luar bandar. Daya produktiviti masyarakat luar bandar harus lebih meningkat dengan penggunaan sumber yang lebih optima serta alam sekitar yang bersih dan menarik. Pertanian dijalankan secara moden serta diuruskan secara komersil dan tanam-tanaman komoditi diuruskan secara estet. Penanam-penanam kecil mengendalikan sawah dan kebun-kebun secara kolektif/estet yang diuruskan oleh koperasi, pertubuhan peladang kawasan atau swasta.

Mengikut laporan Konvensyen Gerakan Desa Wawasan: Pertandingan Ilham Desa (2002), terdapat beberapa kampung yang berjaya mencapai senario pertama ini. Antara kampung yang berjaya ialah Kampung Tanjung Sepat, Kuala Langat Selangor (Johan Zon 2 (Tengah)). Pencapaian kampung meliputi:

- (a) Industri kecil sederhana – perusahaan membuat kerepek dan kuih yang dijalankan oleh beberapa penduduk kampung yang telah menerima tempahan dan pasaran yang menggalakkan sepanjang tahun.
- (b) Projek pertanian berkelompok – tanah yang diusahakan seluas 100 ekar telah mengeluarkan hasil sepanjang tahun.
- (c) Kilang memproses kopi – dijalankan oleh seorang penduduk kampung yang sumber bahannya dibeli dari pengusaha kebun kopi tempatan.
- (d) Memborong dan mengedar makanan ringan diusahakan oleh seorang pengusaha tempatan yang telah berjaya meluaskan pasarannya ke beberapa buah daerah.

Penglibatan dalam perniagaan berasaskan runcit, restoran, perkhidmatan kontraktor am, binaan, lanskap, kejuruteraan dan pembekalan kepada pihak kerajaan dan swasta.

4.2.1 Pembangunan Ekonomi Pertanian Moden. (Pengenalan komoditi baru yang menguntungkan)

Program pembangunan ekonomi ini amatlah meluas, tidak sahaja usaha untuk meningkatkan pendapatan petani melalui penghasilan yang moden tetapi juga merupakan usaha pembaharuan petani itu sendiri dalam meningkatkan pendapatan dengan tidak bergantung kepada hasil komoditi tradisi. Misalnya projek tanaman salak di Kampung Pak Rahmat, Kota Bharu Kelantan (Johan Ilham Desa Zon 3 Timur/Selatan). Kampung ini menarik perhatian untuk diperhatikan kerana keupayaan penduduk kampung untuk beralih dari hasil penanaman pertanian tradisi iaitu padi. Hasil utama penduduk ialah padi dengan hasil padi 2 musim setahun yang merupakan pendapatan utama penduduk kampung. Walaupun begitu, keluasan



tanah pemilik sawah terhad dan bersaiz kecil iaitu kurang dari 2 hektar. Dengan bertambahnya bilangan ahli keluarga dan perbelanjaan harian yang meningkat, penduduk terpaksa mencari beberapa sumber alternatif untuk menambah pendapatan.

Idea untuk menanam salak timbul apabila salah seorang penduduk kampung telah berjaya menanam salak secara percubaan dalam dusun sekitar rumahnya. Ilham ini kemudiaannya dibincangkan dengan mensyuarat JKKK dan dirancang untuk dilaksanakan secara komersil dan menyeluruh. Hasilnya, dengan pengurusan yang cekap, pendapatan penduduk yang terlibat telah meningkat:

- (i) Faedah pendapatan
Sebelum projek – RM 4,800 (hasil padi dan dusun)

Selepas projek
Hasil jualan
Buah: RM 14,400
Benih: RM 16,000
Jumlah: RM 30,000

Peningkatan pendapatan: 633.3% pendapatan setahun (Konvensyen Gerakan Desa Wawasan, 2001)

Bagi Kampung Tanjung Baru, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu pula mereka mengusahakan tanaman Limau Langkat/ Madu berkelompok. Pengeluaran limau Kampung Tanjung Baru dipasarkan saban musim di bandar Kuala Berang dapat memenuhi 20% – 30% pasaran limau daerah. Hasil projek limau Kampung Tanjung Baru juga dipasarkan ke daerah lain di negeri Terengganu sama ada oleh pemborong persendirian atau oleh Fama (Pasar Tani). Peserta projek mendapat faedah lumayan iaitu peningkatan pendapatan semusim sehingga RM 15,000.

4.2.2 Pembangunan Sumber Semula Jadi Secara Optimum

Pembangunan ekonomi bermakna menggunakan segala sumber aset semula jadi yang sedia ada secara optimum. Antara kejayaan pengoptimuman aset semula jadi ini ialah projek pemulihan tanah terbiar di Kampung Jelutong, Sik, Kedah (Johan Zon 1 (Utara)). Usaha kampung ini boleh dicontohi oleh orang Melayu bagaimana untuk mengoptimakan sumber atau aset yang telah sedia ada iaitu tanah bagi mendatangkan hasil yang lumayan. Kemampuan kampung ini bergerak banyak didorong oleh wujudnya organisasi kampung yang cekap dan tersusun serta kreatif. Kumpulan penggerak kampung ini dikenali sebagai ‘kumpulan Syumul’ yang lengkap dengan struktur organisasi, objektif kumpulan dan etika kumpulan. Projek pemulihan



tanah terbiar ini mendapat bantuan dari jabatan kerajaan seperti Pejabat Pertanian, Risma, Keda dan Jabatan Haiwan, Jabatan Kesihatan dan Pejabat Daerah. Antara projek-projek yang dilaksanakan ialah projek berkelompok dan projek-projek perseorangan. Projek berkelompok melibatkan pertanian durian dan rambutan. Manakala projek perseorangan melibatkan pengusahaan kolam ikan, sayur-sayuran, tanaman kopi, limau madu dan tanaman bermusim (kacang pai, ubi kemili, kacang tanah, jagung madu dan ulaman kampung). Secara purata, pendapatan peserta bagi setiap 3 bulan ialah:

| | |
|------------|----------|
| Tahun 1997 | RM 690 |
| Tahun 1998 | RM 1000 |
| Tahun 1999 | RM 1 060 |
| Tahun 2000 | RM 1 500 |
| Tahun 2001 | RM 1 312 |

Melalui projek ini, pendapatan penduduk kampung telah meningkat sekali ganda dari awal pelaksanaan pada tahun 1997 dari RM 600 kepada lebih RM 1000 hanya selepas setahun dijalankan.

4.2.3 Pembangunan Ekonomi Industri Yang Berkaitan Pertanian/Perikanan

Antara pembangunan ekonomi industri perikanan moden ialah Projek Ternakan Udang Harimau. Usaha ini telah dijalankan dengan jayanya oleh Felcra Berhad Kampung Juru, Bukit Kecil, Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang. Projek ini telah dicetuskan oleh salah seorang penduduk kampung iaitu Tn. Hj Sidek bin Hj. Othman. Projek ini melibatkan penglibatan seluruh penduduk kampung. Projek ini dimulakan dengan 2 kolam seluas 5 ekar pada tahun 1995. Sehingga kini terdapat 7 buah kolam dengan keluasan 13 ekar. Penduduk yang menjadi peserta akan diterima sebagai ahli Koperasi MERIT iaitu lebih kurang 200 ahli. Keuntungan projek adalah seperti berikut:

| | |
|------------|-----------|
| Tahun 1997 | RM 14 412 |
| Tahun 1998 | RM 28 045 |
| Tahun 1999 | RM 82 454 |
| Tahun 2000 | RM 30 683 |



4.2.4 Pembangunan Industri Komersil Moden

Usaha pembangunan kampung melalui idea baru dengan mengusahakan industri moden seperti projek pengeluaran dan pemasaran ais krim telah berjaya diusahakan oleh Kampung Padang Stang, Grik, Perak. Projek ini amat berpotensi untuk maju, memberi pulangan yang menguntungkan dan kos operasi yang rendah. Projek ini telah dilaksanakan sejak 1 Ogos 1996. Pada awalnya projek ini mendapat beberapa halangan seperti kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah, tiadanya kemahiran, ketiadaan mesin dan kekurangan modal. Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat diselesaikan dengan menjalinkan hubungan dengan agensi yang terlibat bagi memudahkan mendapat bahan mentah. Kekurangan kemahiran diatasi dengan menghantar peserta mengikuti kursus serta melaksanakan kursus motivasi untuk mempertingkatkan keyakinan diri. Modal diperolehi daripada bantuan ahli-ahli dan pinjaman.

Pendapatan bersih:

| Tahun | 1997 (RM) | 1998 (RM) | 1999 (RM) | 2000 (RM) | 2001 (RM) |
|-------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| Hasil jualan | 46,800 | 93,600 | 140,400 | 234,000 | 117,000 |
| Pendapatan bersih | 5,700 | 18,666 | 37,694 | 81,231 | 40,765 |

Pendapatan yang dihasilkan telah meningkat begitu besar. Pasaran utamanya meliputi daerah Hulu Perak, Lenggong dan Pengkalan Hulu. Menariknya ialah projek ini tidak bergantung kepada institusi pinjaman melainkan pinjaman koperasi. Bagi perancangan masa depan, ia akan mengadakan MOU dengan pihak swasta di Kuala Lumpur untuk meluaskan pasaran.

4.3 Peningkatan Ilmu Masyarakat Desa Melalui Penglibatan Aktif Dalam ICT

Antara langkah proaktif yang telah terbukti berkesan ialah penglibatan masyarakat desa dalam arus globalisasi melalui penglibatan diri secara aktif dalam gelombang teknologi maklumat. Masyarakat desa tidak ketinggalan dalam menguasai teknologi komunikasi dan maklumat. Ini seiring dengan dasar IT negara.

4.3.1 Pusat Informasi Kampung

Penduduk Kampung Jenjarum, Kuala Langat misalnya sejak bulan Mac 1998 telah memiliki wawasan dengan gagasan penubuhan Pusat Informasi Kampung Jenjarum telah dimulai oleh Biro Pendidikan dan IT GDW (Ilham Desa, 2001). Cetusan idea ini timbul dari rungutan masyarakat mengenai beberapa perkara seperti:



- (a) Tuntutan penggunaan IT yang semakin meningkat kepada penduduk kampung.
- (b) Peluang pendidikan asas IT yang ditawarkan oleh pihak swasta adalah mahal.
- (c) Peratusan penggunaan IT yang sangat rendah dalam pengurusan kampung, khususnya pada kebanyakan pertubuhan-pertubuhan.

Walaupun pada mulanya Biro ini mengalami masalah kewangan, namun ia berjaya diatasi menerusi bantuan modal dan pemberian komputer JKK kampung, Pusat Komuniti Kampung Jenjarum, Masjid Al-Falah dan orang perseorangan. Pada keseluruhannya, idea penubuhan Pusat Informasi ini diterima sepenuhnya oleh penduduk kampung. Ini terbukti melalui statistik penggunaan komputer di kalangan penduduk yang telah meningkat pada tahun 2000 berbanding ketika ia mula beroperasi pada tahun 1998. Hingga Julai 2000, statistik penggunaan komputer di Pusat Informasi meningkat iaitu bermula dengan hanya 500 ke 600 pengguna pada 1998, kini ia berjaya mencapai 1000-1200 pengguna pada Januari-Julai 2000. Langkah penubuhan pusat ini bukan sahaja mendapat sambutan penduduk tempatan malah turut disokong oleh agensi swasta seperti melalui perjanjian usahasama yang dimeterai dengan Pusat Informasi. Melalui perjanjian itu, banyak aktiviti pengupayaan IT telah dilaksanakan seperti kelas komputer dan penubuhan kafe maya (*cyber cafe*) selain daripada hasil jualan dan servis. Kafe maya merupakan penyumbang terbesar kepada prestasi kewangan Pusat Informasi ini iaitu RM 51,990.00 bagi tempoh 21 bulan bermula November 1998. Dengan terdirinya pusat seperti ini, kampung ini merupakan antara desa pertama yang mempelopori arus digital di kawasannya.

4.3.2 E-Komuniti

Penduduk Kampung Jerangau, Bukit Besi, Terengganu pula telah menjalankan projek E-komuniti iaitu ke arah masyarakat celik IT. Jawatankuasa kampung berusaha mengurangkan budaya lepak, penagihan dadah dan bohsia di kalangan remaja. Mereka juga tidak mahu penduduk kampung tersebut ketinggalan dalam dunia teknologi maklumat, malah mereka mahukan penduduk sentiasa diberi pendedahan tentang penggunaan IT dan ICT. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa masalah pada awal pembukaan projek iaitu tiada tenaga mahir, kesukaran penduduk untuk menerima sesuatu yang baru, takut untuk mencuba, kawasan yang didirikan kelas komputer terlalu sempit dan kekurangan komputer (Laporan Konvensyen Gerakan Desa Wawasan peringkat Zon Timur/Selatan, 2001).

Masalah ini telah dapat diatasi berkat kerjasama antara sesama jawatankuasa kampung iaitu dengan memberi motivasi secara teratur dan baik, menggalakkan penggunaan komputer secara berterusan, mengupah guru yang mahir, memperbanyak kursus komputer terutama penggunaan internet, memohon tapak bangunan kepada pihak berkuasa dan memberikan kursus percuma kepada warga



tua yang ingin tahu tentang komputer. Hasilnya penduduk memberi sambutan yang baik terhadap program ini. Masyarakat di kawasan sekitar Kampung Jerangau menjadikan kampung ini model dalam membangunkan teknologi maklumat, menjimatkan masa pelajar dan penduduk setempat kerana mereka tidak lagi perlu ke bandar untuk mendapatkan kemudahan komputer dan memudahkan pengutusan surat kepada rakan-rakan dengan menggunakan e-mail tanpa setem dan pos.

5.0 CABARAN DAN HARAPAN

Cabarannya yang paling besar sekali ialah merubah paradigma subsidi yang telah mengakar dalam pemikiran masyarakat desa. Pemikiran mereka selama ini ialah jika sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan di desa, tentu pembangunan itu akan dibawa oleh kerajaan atau dilaksanakan oleh pihak pihak kerajaan bermula dari peringkat perancangannya hingga kepada pelaksanaannya. (Pembangunan yang bersifat *TOP DOWN*). Sebaliknya pembangunan GDW lebih bersifat *BOTTOM UP*) iaitu pembangunan itu datangnya dari cetusan idea masyarakat kampung itu sendiri dan mereka yang akan melaksanakannya hingga berjaya. Tentunya idea ini merupakan sesuatu yang amat radikal bagi sesetengah masyarakat Melayu luar bandar.

Lantaran dari kesukaran masyarakat di desa berubah maka sejak GDW diperkenalkan pada tahun 1996, hampir separuh daripada 3300 kampung yang menyertai program itu gagal memajukan kampung masing-masing dengan aktiviti sosial dan ekonomi seperti ditetapkan. Berdasarkan perangkaan, hanya 406 kampung GDW (12.3%) daripada 3300 kampung mencapai gred A, manakala 1436 kampung (43.5%) mendapat gred B dan bakinya diletakkan dalam gred C. Kejayaan sesebuah kampung GDW tidak hanya dinilai berdasarkan pencapaian penduduk kampung mencantikkan kampung semata-mata, sebaliknya ia juga perlu melibatkan pembangunan projek prasarana dan projek yang membawa nilai ekonomi kepada kampung tersebut.

Dari itu, banyak usaha perlu digiatkan oleh pihak kerajaan terutama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pimpinan kampung (JKKK) untuk melakukan anjakan paradigma pembangunan ini. Di samping itu, pertindihan fungsi agensi pelaksana juga perlu dihindari atau dielakkan supaya tidak mengganggu agenda pelaksanaan kesemua projek GDW yang telah disusun.

Bagaimanapun, GDW ini diharapkan mampu menjadi mekanisme perubah ke arah masyarakat yang proaktif pada alaf baru ini dan yang dapat membawa masyarakat desa menjadi masyarakat maju pada tahun 2020. Lantaran itu, pada tahun 2020 senario desa di Malaysia akan berubah secara total dengan memiliki ciri-ciri berikut:



- (1) Kampung-kampung harus menjadi lebih kompetitif dengan kedua-dua sektor pertanian dan industri moden menjadi aktiviti utama penduduk luar bandar.
- (2) Perkampungan-perkampungan tradisional harus menjadi lebih tersusun. Perubahan harus tertumpu di kawasan pusat pertumbuhan desa.
- (3) Industri besar dan kecil juga harus juga terletak di kawasan luar bandar. Industri-industri ini kebanyakannya berasaskan pertanian dan berasaskan sumber serta mempunyai pertalian dengan pusat-pusat pertumbuhan desa.
- (4) Industri perkhidmatan harus muncul di pusat-pusat pertumbuhan yang akan juga dijadikan pusat pemasaran hasil-hasil desa.
- (5) Pendapatan keseluruhan penduduk-penduduk luar bandar harus berada dalam lingkungan 80%-90% pendapatan penduduk bandar secara purata.
- (6) Kawasan luar bandar harus tampak cukup menarik seperti kawasan bandar. Ia harus mampu menjadi tarikan kepada ramai penduduk bandar mahupun pelancong asing yang datang menetap atau mengunjunginya.

Keenam-enam senario desa wawasan ini serba sedikit telah tergambar dalam kejayaan beberapa buah kampung dalam perbincangan GDW sebagai mekanisme pembangunan masyarakat desa dalam artikel ini.

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, GDW merupakan usaha membawa perubahan paradigma untuk Transformasi Kedua Luar Bandar. Transformasi itu ialah membentuk desa yang menarik, maju dan menguntungkan melalui penduduk yang dinamis, kreatif dan *participative*. Dalam usaha transformasi ini masyarakat luar bandar akan dibangunkan menjadi masyarakat yang memiliki kualiti yang kompetitif setanding dengan masyarakat bandar terutama dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, perancangan strategik, kebolehan penyelesaian masalah dan keyakinan untuk berjaya. Perubahan paradigma ini kemudiaannya diharapkan menjadi pemangkin kepada pencapaian pembangunan fizikal yang menyeluruh, menuju ke arah negara maju pada tahun 2020.

Tanda-tanda proaktif ini terpancar melalui kejayaan beberapa kampung yang dapat melahirkan beberapa projek yang berjaya dengan perancangan yang teratur dan sistematik. Keupayaan inilah yang akan menyumbang kepada usaha merealisasikan Gerakan Desa Wawasan sebagai mekanisme penting untuk menyediakan masyarakat desa dalam menempuh gelombang globalisasi di alaf baru ini. Hanya melalui keupayaan bersaing, mereka akan menjadi maju terutama menjelang tahun 2020 yang meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Bagi mencapai hasrat besar ini penduduk desa mesti berubah sikap dari mentaliti subsidi kepada individu yang mempunyai daya saing dan daya maju dan tidak semata-mata menunggu bantuan dari kerajaan.



RUJUKAN

- Abdul, R. E. 2000. *Negara Pasaran dan Pemodenan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asnarulkhadi, A. S. dan A. Jawan. 1997. *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Craig, G. J. 1996. *Human Development*, 7th Edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Falsafah dan Strategi Pembangunan Luar Bandar Ke arah 2020. Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Malaysia.
- Gerakan Desa Wawasan: Ke Arah Transformasi Kedua Luar Bandar. Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Ibrahim, N. 2003. *Pelan Tindakan Desa*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- INFRA: Kalender Aktiviti Latihan Tahunan 2002. Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Malaysia.
- Ilham Desa: Konvensyen Gerakan Desa Wawasan Peringkat Kebangsaan 2001: Menjana Idea Bernas, INFRA, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- John, N. 1997. *Megatrends Asia: Lapan Megatrends Asia yang Sedang Membentuk Semula Dunia Kita*. Petaling Jaya: Prentice Hall Malaysia.
- Just, F., J. Parkinson dan R. Seniman. 2002. *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konvensyen Gerakan Desa Wawasan: Pertandingan Ilham Desa. 2001. Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Laporan Konvensyen Gerakan Desa Wawasan Zon Sabah. Institut Kemajuan Desa (INFRA) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tawau, Sabah, 2001, Oktober, 7-9.
- Ohmae, K. 1985. *Triad Power: The Coming Shape Global Competition*. New York: The Free Press.
- Ohmae, K. 1995. *The End of the Nation-State: The Rise of Regional Economies*. New York: The Free Press.
- Transformasi Kedua Luar Bandar. Bangi: Institut Kemajuan Desa (INFRA). Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Tofler, A. 1991. *Third Wave*, New York: Mass Market Paperback.
- Zaini, M. dan M. Tajuddin. 1996. *Industrialisasi dan Pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.